



Nama :

Tingkatan :

**MAJLIS PENGETUA SEKOLAH MALAYSIA
(CAWANGAN PULAU PINANG)**

TREND LAYAK SIJIL SPM 2024

SEJARAH TINGKATAN 5

**KERTAS 2
SET 1**

DUA JAM TIGA PULUH MINIT

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian : **Bahagian A** dan **Bahagian B**
2. Jawab **semua** soalan dalam **Bahagian A** dan **tiga** soalan dalam **Bahagian B**.
3. Jawapan **Bahagian A** hendaklah ditulis dalam ruang yang disediakan dalam kertas soalan.
4. Jawapan **Bahagian B** hendaklah ditulis pada kertas jawapan berasingan yang disediakan.
5. Kertas soalan ini hendaklah diikat dan dihantar bersama-sama kertas jawapan **Bahagian B**.
6. Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraihan soalan ditunjukkan dalam kurungan.

<i>Untuk Kegunaan Pemeriksa</i>			
Bahagian	Soalan	Markah Penuh	Markah Diperoleh
A	1		
	2		
	3		
	4		
B	5		
	6		
	7		
	8		
	9		
Jumlah			

Kertas soalan ini mengandungi 10 halaman bercetak

BAHAGIAN A
[40 MARKAH]

Jawab semua soalan bahagian ini.

1 Undang-undang Melaka merupakan undang-undang bertulis yang wujud pada zaman Kesultanan Melayu Melaka. Undang-undang tersebut berasaskan syariah dan hukum adat.

a) Namakan undang-undang tersebut.

i)

ii)

[2 markah]

b) Jelaskan hukuman terhadap perbuatan jenayah yang terdapat dalam undang-undang di 1(a).

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

c) Huraikan kepentingan undang-undang kepada sesebuah negara?

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

2 Pada 8 Mac 1956, kerajaan British dengan persetujuan Raja-raja Melayu mengumumkan pembentukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu atau Suruhanjaya Reid.

a) Nyatakan Terma Rujukan Suruhanjaya Perlembagaan Persekutuan Tanah Melayu.

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Bagaimanakah suruhanjaya tersebut melaksanakan tugasnya?

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(c) Baca pernyataan berikut.

Sikap keterbukaan amatlah penting dalam menghasilkan daya pemikiran yang kreatif dalam kalangan warga organisasi. Warga kerja akan berasa lebih dihargai dan terus menjana idea-idea dan kadang kala idea tersebut di luar daripada apa yang dijangkakan.

Sumber : <https://www.bernama.com>

Huraikan pernyataan tersebut.

.....
.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

3 Kedaulatan merupakan aspek penting kepada sesebuah negara.

(a) Huraikan kepentingan kedaulatan dari aspek berikut :

i) Keberkesanan Pentadbiran

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

ii) Kecemerlangan Hubungan Luar Negara

.....
.....
.....
.....

[3 markah]

(b) Teliti lirik lagu di bawah.

Demi negara yang tercinta
Dicurahkan bakti penuh setia
Demi raja yang disanjung tinggi
Kesetiaan tak berbelah bagi
Kepada pemimpin, kepada rakyat
Khidmat diberi penuh taat
Sama bekerja sama berusaha
Setia berkhidmat untuk semua
Rela berkorban apa saja

Sumber : <https://www.youtube.com/watch?v=T5ghOn7DIt0>

Berdasarkan lirik tersebut, jelaskan peranan rakyat untuk mengekalkan kedaulatan negara.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

4 Jadual berikut menunjukkan kegiatan komunis yang mengancam keselamatan negara.

Tahun	Peristiwa
05 Ogos 1952	Batu Kitang, Sarawak diserang oleh komunis

a) Nyatakan bentuk ancaman komunis yang telah menggugat keselamatan di Sarawak.

.....
.....
.....

[2 markah]

b) Terangkan pelaksanaan perang saraf di Sarawak bagi membanteras kegiatan komunis.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

(c) Pihak kerajaan mengambil tindakan tegas membendung ideologi komunis di negara kita. Beri ulasan anda.

.....
.....
.....
.....
.....

[4 markah]

BAHAGIAN B
[60 MARKAH]

Jawab mana-mana tiga soalan daripada bahagian ini.

5 Pada 1 Februari 1948, Persekutuan Tanah Melayu telah ditubuhkan secara rasmi setelah Raja-raja Melayu menandatangani Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948.

a) Terangkan faktor penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[6 markah]

b) Huraikan kesan penubuhan Persekutuan Tanah Melayu 1948.

[6 markah]

c) Baca petikan berikut.

Apabila Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948 digubal bagi maksud pembentukan sebuah persekutuan, perkara yang menyentuh kepentingan orang Melayu sebagai bangsa asal terus diberi perhatian. Hal ini tidak pelik kerana melalui kuat kuasa Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1948, Raja-Raja Melayu juga memperkenankan bangsa dan kaum asing diterima masuk sebagai warganegara.

Lantaran itu, kedudukan istimewa orang Melayu diletak di bawah tanggungjawab khas Pesuruhjaya Tinggi Persekutuan, yang juga berfungsi untuk memelihara kepentingan sah kaum lain. Realiti yang ada pada hari ini menunjukkan ekonomi dan kekayaan Malaysia masih dikuasai kaum bukan Melayu dan bukan anak-anak negeri.

Kedudukan itu bukti kukuh bahawa Perkara 153 bukanlah satu dasar yang menghalang kaum bukan Melayu dan anak negeri untuk meraih kekayaan, jauh sekali bersifat diskriminasi yang bercanggah dengan prinsip keadilan.

Diubah suai dari sumber: Berita Harian.com.my

Beri ulasan anda berkaitan pernyataan tersebut.

[8 markah]

6 Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum (CLC) berperanan menyelesaikan isu yang melibatkan pertikaian pelbagai kaum.

(a) Jelaskan peranan CLC dalam menyelesaikan isu tersebut.

[6 markah]

(b) Terangkan kesan tindakan Jawatankuasa tersebut ke arah perpaduan kaum.

[6 markah]

(c) Teliti petikan akhbar berikut.

Seiring hasrat Perdana Menteri untuk membangun Malaysia Madani, Kementerian Perpaduan Negara (KPN) menghasilkan Kerangka Membangun Malaysia Madani melalui perpaduan dalam kepelbagaian menyepadukan program melalui *Flagship* Kembara Perpaduan.

Dengan penambahan peruntukan melalui Bajet 2024, KPN akan melipatgandakan usaha melaksana pelbagai strategi melahirkan bangsa patriotik dalam mengukuhkan tapak integrasi nasional dan ekosistem perpaduan negara.

Antara inisiatif baharu dirancang kementerian termasuk pemerkasaan Model Kawasan Rukun Tetangga (KRT) yang akan berperanan sebagai penggerak utama dan penjalin hubung (*bridge builder*) bagi merealisasikan aspirasi masyarakat progresif sambutan Minggu Perpaduan dan Harmoni Madani, inisiatif baru ini akan dijalankan bagi memupuk semangat penerimaan dan budaya hormat menghormati dalam kalangan rakyat Malaysia.

Sumber: <https://www.hmetro.com.my>

Jelaskan maklumat yang terkandung dalam petikan tersebut dan cabaran mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita kini.

[8 markah]

7 Kejayaan pemulihan ekonomi negara, kestabilan politik dan kesejahteraan sosial yang sedang dikecapi ketika ini, adalah hasil kerjasama Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang sentiasa berganding bahu menyalurkan keperluan rakyat Malaysia.

Sumber: www.sinarharian.com.my

- (a) Jelaskan kerjasama tersebut dalam aspek penyediaan perumahan rakyat. [6 markah]
- (b) Terangkan aspek keselamatan yang dilaksanakan oleh agensi berikut:
- (i) Rajang Area Security Command (RASCOM) [3 markah]
- (ii) Eastern Sabah Security Command (ESSCOM) [3 markah]
- (c) Teliti poster berikut.

The poster features the logos of the National Security Council (NSC) and the National Security Policy (DKN) 2021-2025. It includes the Malaysian flag and silhouettes of soldiers. The text is as follows:

**KESELAMATAN NEGARA
TANGGUNGJAWAB BERSAMA**

Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama
Bersama kita pertahankannya
Demi masa depan kita bersama
Semua Rakyat dan Negara tercinta

Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama
Bangkit bersama kita jayakannya
Bersatu hati muafakat bersama
Malaysia aman sejahtera selamanya

Korus:
Demi negara Malaysia tercinta
Bersama laksanakan tanggungjawab semua
Meneruskan legasi terus setia
Malaysia kita sayangi selamanya
Walau di desa juga di kota
Laksanakan peranan kita semua
Memelihara keselamatan negara
Mencapai makmur rakyat bahagia sejahtera

Keselamatan Negara Tanggungjawab Bersama
Kini tibanya masa kita semua
Bersatu hati berpadu tenaga
Memelihara negara kita yang tercinta

Lirik : **Datuk Haji Rodzi Bin Md Saad**
Nyanyian : **Datin Mien & Azhar Sailun**
Komposer : **TREAST BAND**

www.mkn.gov.my | Majlis Keselamatan Negara | @MKNJPM | Majlis Keselamatan Negara (Rasmi) | @mkn_rasmi | MKNTV

Sumber: www.mkn.gov.my

Huraikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut.

[8 markah]

8 Dasar Pembangunan Nasional (DPN) adalah kesinambungan Dasar Ekonomi Baru (DEB) yang dilaksanakan melalui Rancangan Jangka Panjang sejak negara mencapai kemerdekaan.

(a) Pelaksanaan DPN merangkumi bidang ekonomi, sosial serta kemudahan fizikal dan alam sekitar.

Huraikan strategi yang digunakan dalam merealisasikannya.

[6 markah]

(b) Penyusunan semula masyarakat dan pembangunan wilayah mampu memperbaiki ketidakseimbangan sosial dan ekonomi antara kaum.

Bagaimanakah DPN dilaksanakan?

[6 markah]

(c) Teliti poster berikut.

KADAR PENDAPATAN GARIS KEMISKINAN DISEMAK

Kadar yang kini digunapakai bagi setiap isi rumah ialah:



Miskin: **RM2,208**



Miskin tegar: **RM1,169**

Akan disemak semula oleh Jabatan Perangkaan & dijangka dipinda sewajarnya pada suku pertama

2023

Ini kerana negara masih berdepan beberapa isu / cabaran seperti:



Kelompok miskin di bandar/ luar bandar / kawasan Orang Asli



Isu gaji / upah yang rendah



Ketidaksamaan pembangunan antara wilayah & negeri / bandar & luar bandar



Penularan pandemik COVID-19 yang beri impak besar kepada pendapatan isi rumah

Kerajaan komited untuk hapuskan isu miskin tegar menerusi pendekatan holistik & komprehensif dalam tempoh Rancangan Malaysia ke-12

Namun, kadar kemiskinan negara juga telah berubah dengan ketara sejak 5 dekad lepas dengan dipengaruhi:



Kadar pertumbuhan ekonomi keseluruhan yang memberangsangkan



Kewujudan Dasar Ekonomi Baru

Sumber: Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Ekonomi) Datuk Seri Mustapa Mohamed di persidangan Dewan Rakyat

Diterbitkan: 7 Mac 2022
Infografik Bernama

Sumber : <https://www.facebook.com/harianmetro>

Berikan maklumat yang terkandung dalam poster tersebut dan cadangkan langkah-langkah membasmi kemiskinan.

[8 markah]

9 Malaysia adalah antara negara pelopor kepada pertubuhan Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara (ASEAN) dan aktif dari awal pertubuhan sehingga kini.

(a) Jelaskan sumbangan Malaysia dalam aspek berikut:

i) Penyelesaian Konflik Serantau

[4 markah]

ii) Kerjasama Ekonomi

[4 markah]

iii) Kerjasama Sosial

[4 markah]

(b) Teliti infografik berikut.



Berdasarkan infografik tersebut, huraikan manfaat Go Digital ASEAN terhadap negara dan beri ulasan anda.

[8 markah]

*** SOALAN PEPERIKSAAN TAMAT ***